

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

## **Kaedah Lawatan Ke Tempat Sejarah: Kepentingan dan Strategi**

**Mohamad Johdi Bin Salleh**

**Ariegusrini Bte Agus**

Institute of Education

International Islamic University Malaysia (IIUM)

### **Pengenalan**

Sejarah merupakan subjek teras Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mesti diambil untuk peperiksaan oleh semua pelajar peringkat menengah rendah dan menengah atas. Sehubungan dengan itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha gigih memastikan pelajar-pelajar mendapat manfaat maksimum dalam pembelajaran-pengajaran subjek ini. Langkah pewajiban sedemikian telah lama dipelopori dan diamalkan oleh negara-negara maju seperti Jerman, Perancis, Amerika Syarikat dan Jepun. Kerja Kursus Sejarah yang melibatkan lawatan ke tempat-tempat bersejarah menjadi komponen teras di United Kingdom se awal 1932. Pelajar-pelajar didedahkan dengan bermacam-macam fakta, bukti artifak dan peristiwa perjuangan berbagai lapisan rakyat yang berganding bahu dengan pahlawan dan pemimpin bagi memartabatkan negara di persada merdeka, berwibawa dan berdaulat. Terbukti dengan jelas bahawa pelajar-pelajar akan memperoleh lebih pengetahuan, kefahaman, kemahiran, dan penghayatan apabila melawat ke tempat-tempat bersejarah terutama yang tersemat dalam buku teks. Aktiviti belajar sambil melawat merupakan kaedah yang sungguh berkesan dalam pendidikan subjek sejarah kepada pelbagai peringkat pelajar.

### **Definisi**

Kamus Dewan dan Kamus Oxford menyatakan bahawa ‘lawatan’ bererti melawat sesuatu tempat untuk jangka masa tertentu. ‘Tempat Bersejarah’ merupakan tapak, arkeologi, artifak, sumber, dokumen yang berkaitan dengan peristiwa masa lalu yang benar-benar berlaku dan mempunyai kepentingan. Adalah menjadi amalan dan kewajipan pemerintah untuk mengekalkan warisan sejarah yang berkaitan dengan negara, bangsa, dan agama. Raja dan pemimpin akan mengekalkan warisan sejarah lalu mengenai ketokohan dan salasilah keluarga bagi mengekalkan nilai kebangsawanan dan kepemimpinan nasional atau serantau. Terdapat juga individu orang biasa yang menyimpan warisan peninggalan tokoh terdahulu demi pengekalan artifak yang mempunyai kepentingan dan nilai sentimental terhadap keluarga atau kelompok komuniti. Secara asasnya, pelbagai lapisan keluarga, komuniti, dan masyarakat merasa bangga dan komited untuk mengekalkan artifak warisan peninggalan tokoh terdahulu dalam khazanah gerobok, galeri, arkib, museum dan tapak sejarah.

Pengekalan warisan sedemikian akan memberi peluang kepada pelajar melihat, menyentuh, mengkaji, dan menganalisis pelbagai sumber atau artifak yang terdapat di tempat lawatan di luar sekolah. Ini selaras dengan konsep pendidikan yang tidak terhad kepada pembelajaran di bilik darjah tetapi meliputi seluruh gerak laku individu di luar sekolah termasuk di bandar, luar bandar, pedalaman, hutan, pergunungan dan kepulauan. Kajian mendapati bahawa

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

kaedah lawatan berupaya untuk membentuk individu insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara, Malaysia. Pelajar-pelajar dapat membina sosialisasi dengan rakan-rakan dan pegawai kurator, berinteraksi dengan alam persekitaran dan sumber tempat lawatan. Hati sanubari pelajar akan merasai bahawa semua yang berlaku itu adalah kehendak dan kuasa Allah untuk dijadikan iktibar. Ketelitian ini akan menimbulkan keinsafan bahawa pelajar sebagai insan adalah 'hamba Allah' yang berasal dan tetap kembali kepada Allah SWT. Kaedah lawatan boleh merealisasikan visi dan misi falsafah pendidikan komprehensif yang membentuk insan kamil personaliti JERISAH iaitu **jasmani, emosi, rohani, intelek, sosialisasi, alam, dan hamba Allah.**

### **Rasional dan Kepentingan**

Kaedah lawatan yang efektif memerlukan kehadiran individu pelajar secara jasmani. Mereka akan terlibat dengan pelbagai aktiviti seperti berjalan, berlari, memanjat, mendaki, dan berenang bergantung pada tempat yang dilawati. Contohnya, lawatan ke tapak kubu perang Jepun dan Kota A Famosa Portugis di Melaka akan melibatkan pelajar berjalan, berlari dan memanjat. Lawatan ke Taman Negara Kinabalu atau Gunung Ledang menyebabkan pelajar memanjat dan mendaki. Lawatan ke sungai tempat berlaku pembunuhan J.W.W Birch di Pasir Salak Perak memungkinkan pelajar untuk mengayuh perahu dan berenang. Aktiviti ini memerlukan pelajar bergerak cergas aktif tubuh badan dan menghasilkan jasmani sihat.

Apabila pelajar-pelajar di bawa melawat ke tempat bersejarah di luar persekitaran sekolah, mereka akan berada dalam suasana yang tidak formal dan berbeza daripada rutin pembelajaran biasa. Mereka akan melihat pelbagai artifak sejarah yang sebahagian besarnya disebutkan dalam kurikulum dan buku teks. Keberadaan pelajar dalam tempat sumber sejarah akan melegakan emosi mereka bahawa pembelajaran sejarah adalah terbukti benar. Hati sanubari pelajar akan merasa tenang apabila melihat wajah pahlawan dan tokoh-tokoh negara yang banyak memberi sumbangan kepada mereka hingga hari ini. Emosi pelajar akan menjadi lebih ceria berbunga apabila mendapati sebahagian tokoh yang terlibat dalam sesuatu perjuangan ada kaitan dengan keluarga, keturunan, bangsa atau agama mereka. Pembelajaran ke tempat bersejarah membolehkan pelajar untuk mengawal dan menenteramkan emosi serta meleraikan kecelaruan sanubari.

### **Matlamat dan Objektif Kurikulum**

Terdapat dalam kurikulum sejarah perbincangan dan penerangan mengenai kepercayaan dan agama seperti Islam, Kristian, Hindu, Buddha, dan animisme. Contohnya, lawatan ke tempat bersejarah agama Islam seperti Masjid Kapitan di Pulau Pinang yang dibina oleh pedagang India Muslim, Masjid Jamik Kuala Lumpur indah seni bina, Masjid Putih Kual Terengganu tempat persinggahan mubaligh dan pedagang Muslim. Ini menjadi bukti bahawa masyarakat dan pedagang Islam dahulu menjadikan masjid sebagai tempat beribadat, pengajian dan persinggahan pedagang-pendakwah. Mereka kebanyakannya berjaya menyebarkan Islam ke merata pelosok dunia dan Nusantara di samping berjaya dalam perdagangan dan kepimpinan masyarakat bertamadun mulia. Keyakinan terhadap Rukun Iman dan pengamalan Rukun Islam secara bersungguh-sungguh oleh generasi awal menyebabkan mereka berjaya. Gaya hidup sedemikian

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

boleh menyedarkan pelajar bahawa rohani yang kukuh berteraskan keyakinan dan amalan agama Islam sebenar akan membolehkan seseorang berjaya dan sejahtera di dunia serta di akhirat.

Sesungguhnya, perolehan fakta, pengamalan dan penghayatan sedemikian sedang gigih dijayakan oleh KPM melalui subjek Sejarah sebagai mekanisme penjana semangat kewarganegaraan dan patriotisme ‘Malaysia Boleh’. Setiap tahun menjelang Hari Kemerdekaan, pihak sekolah menganjurkan Minggu Patriotisme dengan berbagai upacara persembahan di samping mengibarkan jalur gemilang.

Sehubungan dengan itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM telah menggariskan objektif pendidikan Sejarah untuk membolehkan pelajar:

- i. Memahami perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.
- ii. Memahami dan menghargai ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
- iii. Menghargai usaha-usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan dan tokoh-tokoh yang menghasilkan pembangunan negara.
- iv. Mempunyai kesedaran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini.
- v. Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional.
- vi. Mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman sejarah.
- vii. Mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.

Berdasarkan objektif di atas, adalah amat wajar Sejarah terus dijadikan subjek teras dalam semua peringkat persekolahan menengah bahkan di pusat pengajian tinggi dengan kaedah pengajaran-pembelajaran terkini dan efektif. Bagi memastikan pencapaian secara praktikal, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia menggariskan objektif penilaian Kerja Kursus Sejarah yang melibatkan kaedah lawatan ke tempat bersejarah adalah untuk menilai kebolehan pelajar:

- i. Mencari/ mengumpul/ mengelas /mentafsir/ menganalisis dan mengaplikasi fakta-fakta Sejarah secara rasional.
- ii. Menyampaikan maklumat fakta sejarah secara rasional.
- iii. Menyenaikan iktibar daripada pengalaman sejarah.
- iv. Merumus iktibar/pengajaran/ faedah daripada pengalaman sejarah.
- v. Mengemukakan idea-idea baru dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.
- vi. Memberi pandangan/saranan terhadap usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.

Objektif di atas merupakan usaha ke arah perolehan fakta dan iktibar sejarah daripada menifestasi peristiwa masa lalu yang menjadi teras pencorakan negara hari ini. Bahkan semua

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

pihak menyedari dan mengakui bahawa Sejarah merupakan satu-satunya subjek yang paling banyak membincangkan aspek kewarganegaraan dan ketamadunan yang perlu disebutkan dalam jiwa sanubari kanak-kanak di bangku sekolah.

## **Strategi Pengajaran dan Pembelajaran**

Strategi pelaksanaan kaedah lawatan ke tempat bersejarah paling sesuai dengan kurikulum ialah lawatan ke Negeri Melaka Bandar Raya Bersejarah. Proses pelaksanaan LSB dibahagi kepada tiga bahagian iaitu sebelum lawatan, semasa lawatan, dan selepas lawatan.

### **A) Sebelum lawatan**

- Guru haruslah mengambil kira:
- Tujuan lawatan haruslah relevan dengan topik.
- Guru harus berbincang dengan guru panitia.
- Mendapatkan kebenaran dari pengetua & pihak jabatan pendidikan.
- Menyediakan anggaran kewangan.
- Menyediakan surat kebenaran secara formal untuk ibu bapa pelajar.
- Pastikan pelajar mempunyai perlindungan insurans.
- Sediakan pengangkutan.

### **B) Semasa lawatan**

- Semasa lawatan, guru haruslah:
- Mengagihkan pelajar-pelajar kepada beberapa kumpulan Kecil untuk membuat kajian berdasarkan topik yang diberi terlebih dahulu.
- Tugaskan satu guru untuk setiap kumpulan fasilitator.
- Pastikan kebajikan & keselamatan pelajar terjaga.
- Pastikan pelajar membuat kerja yang diberi kepada mereka.

### **C) Selepas lawatan**

- Selepas lawatan, guru haruslah:
- Menilai keberkesanan aktiviti ini dengan melihat kertas kerja yang dihasilkan oleh para pelajar.
- Melihat sama ada objektif guru tercapai atau sebaliknya.
- Membuat laporan tentang lawatan untuk disimpan dalam rekod sekolah.

Kebaikan kaedah lawatan ke tempat bersejarah ini antaranya ialah pengalaman pembelajaran secara langsung dan realistik, proses pembelajaran yang menarik dan seronok-tidak terbelenggu di bilik darjah, memupuk keyakinan diri dan kepimpinan, serta memupuk sifat bekerjasama dan membina budaya persahabatan. Di antara kepentingan dan keistimewaan pembelajaran Sejarah berdasarkan Kaedah Lawatan ke tempat bersejarah dipaparkan di bawah.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

**i. Kefahaman pelajar terhadap ‘konsep dan nilai’ subjek**

Pelajar boleh memahami konsep dan nilai subjek sejarah melalui kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah dalam aspek berikut:

perbezaan masa lalu dan sekarang;
mengapa manusia dahulu berbuat demikian;
mengetahui cerita benar atau rekaan;
sesuatu cerita mempunyai pandangan berbeza-beza;
bahan-bahan peninggalan persekitaran;
pemikiran dan kepercayaan manusia masa lalu;
Perkaitan bahan masa lalu dengan sekarang
imaginasi peristiwa sejarah masa lalu;
membezakan fakta dan pendapat;
berkomunikasi dengan sumber sejarah;
sumber sejarah membantu menyelesaikan masalah;
membuat kesimpulan daripada sumber sejarah.

**ii. Pelajar mencapai ‘matlamat dan objektif’ Kurikulum**

Semasa pelajar-pelajar melaksanakan kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah, mereka seharusnya dapat memahami dan mencapai objektif kurikulum seperti berikut:

kebolehan mengaitkan maklumat dengan sesuatu peristiwa;
mencari, mengasing dan menilai sumber pertama dan kedua;
mengkaji bukti dan membuat kesimpulan dengan jelas;
membina keyakinan diri, mencapai kejayaan dan ingin tahu;
membuat keputusan, penyelidikan dan berkomunikasi

**iii. Pencapaian pelajar terhadap ‘kemahiran sejarah’ melalui Kaedah Lawatan**

Kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah bertujuan melatih pelajar-pelajar menyentuh, meneliti, menyelidik, dan menganalisis bukti sejarah untuk melahirkan ‘little historian’ iaitu:

menggunakan bukti sejarah;
memahami bukti dan tempat mengkaji sejarah;
imaginasi dan empati;
mengaitkan aktiviti manusia masa lalu dan masa kini;
konsep masa dan perubahan;
konsep sebab dan akibat, persamaan dan perbezaan.
menyelidik, menganalisis, menilai dan membuat keputusan.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

**iv. Pengamalan dan penghayatan pelajar terhadap ‘penghargaan dan iktibar’**

Pelajar-pelajar melawat ke tempat bersejarah dengan tujuan akan menimbulkan keinsafan mereka apabila melihat dengan mata kepala bukti-bukti sejarah seperti:

menghayati peristiwa sejarah dan mengambil iktibar daripadanya;
menghargai dan menghayati perjuangan tokoh dan warisan sejarah;
pengamalan dan penglibatan diri dalam kegiatan sekolah, kesetiaan, perpaduan dan bertanggungjawab membangunkan masyarakat.

**v. Menarik ‘Minat’ pelajar terhadap pembelajaran-pengajaran Sejarah**

Kaedah lawatan akan membawa pelajar keluar daripada bilik darjah dan sekolah, yang boleh menimbulkan:

Minat terhadap fakta sejarah
Minat kepada Kaedah

Kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah seharusnya berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru perlu memberi maklumat, panduan dan arahan melaksanakannya seperti yang tertera dalam buku panduan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajar-pelajar dibimbing untuk mencari fakta dengan kaedah penyelidikan secara berdikari sama ada sendiri atau berkumpulan kecil. Semua pihak pentadbiran sekolah, ibu-bapa dan guru semestinya bersungguh-sungguh terlibat menjayakan kaedah yang amat banyak faedahnya ini. Pencarian fakta sejarah boleh tertumpu kawasan-kawasan yang di senarai sebagai warisan khazanah negara seperti galeri, museum, kota, tapak arkeologi, tempat sejarah dan bangunan sejarah. Segala masalah mestilah diatasi secara bersama-sama dan saling komited dalam sepenuhnya kejayaan kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah.

**Kaedah Lawatan: Anjakan Paradigma**

**i. Penguatan Konsep dan Nilai**

Meningkatkan kefahaman ‘konsep dan nilai’ Lawatan Ke Tempat Sejarah (LTS) sepenuhnya melalui, pertama, pendedahan pelajar kepada berbagai sumber primer dan sekunder, artifek dan mentifek, yang paling hampir dengan mereka; kedua, diajar teknik memahami, mengintegrasikan, menganalisis dan mensistesis sumber sehingga menjadi ‘tulisan sejarah’ berorientasikan formula seperti Teksonomi Bloom, atau penilaian Coltham dan Fines; dan ketiga, menjelaskan bahawa sumber sejarah boleh mengilhamkan jawapan kepada persoalan peristiwa masa lalu yang sebahagiannya masih berlaku pada masa kini. Selanjutnya, pelajar-pelajar perlu diberi kefahaman jitu terhadap semua elemen ‘konsep dan nilai’ demi memantapkan dan meluaskan persepsi mereka terhadap falsafah subjek sejarah secara komprehensif.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

## **ii. Matlamat dan Objektif**

Guru sejarah dan guru penilai perlu mengenalpasti bahawa setiap pelajar benar-benar memahami ‘matlamat dan objektif’ pembelajaran-pengajaran Lawatan Ke Tempat Sejarah. Aspek ini yang digariskan oleh PPK dan LPM dalam buku panduan adalah amat jelas. Berikan kefahaman sepenuhnya kepada pelajar dengan matlamat mereka mengetahui perkara yang diarahkan dalam pelaksanaan ke arah memperoleh hasil terbaik. Jika kabur, kemungkinan pelajar-pelajar akan mundar-mandir tercari-cari halatuju, banyak masa terbuang, dan kehilangan minat.

## **iii. Penajaman Kemahiran Sejarah**

Dalam pengajaran-pembelajaran Lawatan Ke Tempat Sejarah, pencapaian saintifik ‘keilmuan sejarah’ dan teknikal ‘kemahiran sejarah’ seperti ‘bukti’, ‘kefahaman’, ‘empati’, ‘ruang’, ‘perubahan’, ‘sebab-akibat’, dan ‘inkuiri-investigatif’ merupakan paksi wajib dimiliki oleh ‘professional historians’ dan pembentukan ‘little historian’. Kesemua elemen ini dinilai dalam ‘pemprosesan fakta’ penilaian berasaskan sekolah dalam Lawatan Ke Tempat Sejarah. Oleh itu setiap penajaman kemahiran perlu dijalankan secara praktikal ‘down to earth’ oleh pengajar sehingga pelajar benar-benar berkebolehan barulah diminta untuk melaksanakan tugas secara berdikari. Biarlah mengenal huruf sebelum membaca, duduk sebelum belunjur, dan bertatih sebelum berjalan.

## **iv. Pengamalan Penghargaan & Iktibar**

Dari satu sudut, responden berjaya memahami elemen ini dengan harapan mereka benar-benar mengamalkan secara praktikal dalam kehidupan seharian di rumah, di sekolah, dalam masyarakat, dan di mana jua mereka berada. Jika perlu kendalikan pemantauan konsisten terhadap pengamalan dan penghayatan yang dicatatkan dalam hasil projek Lawatan Ke Tempat Sejarah. Adakan bengkel, perkhemahan dan program patriotisme secara intensif dan efektif. Penanaman jatidiri pelajar seperti pepatah ‘intan permata tetap berkilau walaupun di dalam debu pasir sahara’.

## **v. Penanaman dan Penyuburan Minat**

Dalam permasalahan ini, pelajar-pelajar seharusnya diberi pendedahan awal seperti semasa di Tingkatan Satu. Kaedah berorientasikan rangsangan minat seperti melalui lawatan investigatif ke tempat sejarah, lawatan inkuiri ke muzium, dan strategi pembelajaran-pengajaran sejarah secara aktif kritis, kreatif dan efektif. Kewangan bukanlah masalah mutlak. Pada realitinya, setiap cuti sekolah ramai pelajar melawat muzium, Bandaraya Bersejarah Melaka, Lembah Bujang, dan berbagai tempat bersejarah lain. Persoalannya, adakah mereka benar-benar memanfaatkan lawatan tersebut selaras dengan falsafah, strategi dan teknik pembelajaran. Jika sekadar menonton artefak dan mantifek kaku tanpa menyingkap yang tersirat secara akademik, tidak pelik jika mereka menganggap pembelajaran subjek sejarah sebagai kaku dan beku. Sehubungan dengan ini, guru-guru dan pihak yang bertanggung-jawab perlu mengambil langkah efektif untuk memartabatkan subjek sejarah di persada nilai falsafahnya.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 127 – 138. ISBN 978-602-8025-28-7.

**vi. Latihan Praktikal dan Insentif kepada Guru**

Menjadi fitrah suci guru untuk para pelajarnya berjaya terutama dalam subjek yang diajar dan seterusnya keseluruhan persekolahan-pendidikan. Lantaran itu, kelemahan dan kegagalan yang wujud dalam pengajaran-pembelajaran perlu diatasi segera secara kolektif dan efektif. Di antaranya menganjurkan kursus dan latihan secara paraktikal kepada guru-guru mengenai kemahiran pengajaran-pembelajaran LTS di tempat bersejarah setiap negeri seperti di Melaka, Kuala Lumpur, dan Sarawak. Memberi insentif bajet kepada guru-guru Lawatan Ke Tempat Sejarah yang mengendalikan pelajar-pelajar ke lawatan kependidikan di tapak bersejarah terutama yang ditera dalam buku teks Sejarah, menjemput tokoh sejarah ke sekolah untuk menceritakan pengalaman sebenar seperti zaman darurat, menyediakan pelbagai ‘worksheets’ kerja projek, dan menggunakan ‘Computer Assisted Learning’.

Pendedahan asas kemahiran sejarah secara praktikal dan realistik mungkin wajar dilaksanakan pada Tingkatan Satu, pengukuhan pada Tingkatan Dua dan penghasilan projek pada Tingkatan Tiga. Kesenambungan pembelajaran dan kemahiran secara praktikal adalah efektif untuk penjaan saintifik ilmu, motivasi jatidiri, penyuburan minat, pengasahan minda kritis dan kreatif, serta keperihatinan penghayatan dan pengamalan dengan ikhlas. Semua pihak yang terlibat dengan pendidikan Sejarah perlu membuat suatu anjakan paradigma supaya pembelajaran-pengajarannya sentiasa efektif dalam merentasi kecanggihan IT di Era Globalisasi serta berbagai cabaran mendatang.

**Kesimpulan**

Jelaslah bahawa pelaksanaan Lawatan Ke Tempat Sejarah mempunyai nilai jangka pendek dan jangka panjang untuk kebaikan pelajar, sistem pendidikan, dan negara. Kaedah ini telah banyak memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk terlibat secara langsung dengan kaedah pengajaran-pembelajaran sejarah lebih aktif dan produktif. Strategi pengajaran dan pembelajaran Lawatan Ke Tempat Sejarah wajar diselenggarakan secara berperingkat, berterusan dan professional.

Sebagai pendidik dalam Subjek Sejarah, kami amat menghargai setiap usaha yang disumbangkan oleh semua pihak untuk memastikan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan kaedah Lawatan Ke Tempat Sejarah. Tidak ada satu pihak pun yang merancang untuk kegagalan. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa kelemahan yang timbul perlu diterima dengan positif dan sama-sama berusaha membaiki supaya mencapai objektif dengan lebih cemerlang. Pelajar-pelajar kini adalah pewaris generasi yang mencorakkan senario negara akan datang. Pengabaian terhadap subjek Sejarah bererti penyisihan aspek patriotisme dan kenegaraan yang memungkinkan kita berdagang di negeri sendiri. Sejarah mempunyai kekuatan tersendiri –

‘Sepurnama penceritaan tidak seindah sedetik pengalaman’